

Headline	FAMA buka pasar tani kekal FELDA Chini		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	17 Sep 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	70	ArticleSize	399 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 13,212
Journalist	Mohd Rafi Mamat	PR Value	RM 39,636
Frequency	Daily		



FAMA buka pasar tani kekal FELDA Chini

Kemudahan berharga RM2.5j beri peluang kepada 55 peniaga tempatan, luar

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Pekan: Pembinaan pasar tani kekal FELDA Chini berharga RM2.5 juta memberi peluang kepada 55 usahawan tempatan dan luar bermula pada Isnin, Rabu, Sabtu dan Ahad bermula tujuh pagi hingga tiga petang.

duduk setempat.

Pasar tani kekal ke lima di negeri ini selepas pasar tani kekal Jerantut dan Pekan beroperasi empat hari seminggu pada Isnin, Rabu, Sabtu dan Ahad bermula tujuh pagi hingga tiga petang.

Peniaga sayur Azrun Mat Ali, 37, berkata tapak bermula yang luas serta berbungkung memberi lebih keselesaan kepada peniaga menjalankan urus niaga tanpa perlu bersusah payah berbanding sebelum ini.

Katanya, cuaca panas dan hujan tidak lagi menjadi penghalang kepada peniaga bermula, pelanggan juga boleh datang tanpa masalah.

"Kemudahan lain seperti paip, tandas dan surau menambahkan



Peniaga menjual pelbagai barang keperluan harian sempena Pembukaan Pasar Tani Kekal FELDA Chini, Pekan, semalam.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

lagi keselesaan kepada peniaga serta pelanggan untuk mendapatkan keperluan harian.

"Saya memuji usaha Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang yang menyediakan pasar tani kekal FELDA Chini untuk kemudahan peniaga serta pengguna setempat," katanya Sempena Pembukaan Pasar Tani Kekal FELDA Chini yang disempurnakan Pengarah FAMA Pahang Rosli Aw Da di kompleks pemasaran Chini, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pegawai FAMA Pekan Mohd Nazib Idris.

Kawasan bermiaga yang luas dan selesa merancakkan lagi aktiviti jualan yang diadakan empat hari seminggu.

Rosli Aw Da,
Pengarah FAMA Pahang

Sementara itu, Rosli berkata, pasar tani kekal FELDA Chini disediakan untuk keselesaan peniaga serta pengguna yang ingin mendapatkan pelbagai barang keperluan harian seperti sayuran, ikan, daging, buah-buahan dan produk makanan.

"Kawasan bermiaga yang luas dan selesa merancakkan lagi aktiviti jualan yang diadakan empat hari seminggu.

"Semua kemudahan disediakan dan 55 usahawan perlu bekerjasama menjaganya, sedikit bayaran dikenakan bertujuan untuk aktiviti kebersihan," katanya.